

08 MAR 2001

FILIPINA-PERDAGANGAN

FILIPINA JANGKA SEKTOR PEMBUATAN ELEKTRONIK BERKEMBANG 15 PERATUS

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Filipina menjangka bahawa sektor pembuatan elektroniknya akan berkembang sebanyak 12 hingga 15 peratus tahun ini dan dagangan komponen elektronik dengan Malaysia akan meningkat.

Walaupun kebimbangan terhadap kesan kelembapan ekonomi AS semakin memuncak, namun industri pembuatan elektronik Filipina akan tetap berkembang di tahun-tahun yang akan datang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, kata Paul G. Dominguez, duta khas republik itu ke Brunei, Indonesia dan Malaysia serta penasihat presiden bagi pembangunan serantau.

Industri tersebut berkembang sebanyak 20 peratus tahun lalu.

Bercakap pada satu sidang akhbar selepas dialog Majlis Perniagaan Malaysia-Filipina di sini hari ini, beliau berkata, dagangan antara Malaysia dan Filipina berjumlah AS\$2.3 bilion (RM8.74 bilion) tahun lalu dengan eksport ke Malaysia mencecah AS\$1.4 bilion (RM5.32 bilion) manakala import dari Malaysia AS\$1.1 bilion (RM4.18 billion).

Dagangan produk elektronik menguasai 80 peratus eksport Filipina dan komponen elektronik yang dieksport ke Malaysia tahun lalu berjumlah AS\$500 juta (RM1.9 bilion).

Perdagangan di Malaysia telah meningkat secara dramatik sejak tahun-tahun 1990-an kepada AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) setahun daripada hanya beberapa juta dolar AS dahulu.

Dominguez berkata Filipina sedang mengkaji pelbagai cara untuk mempertingkatkan dagangan dalam industri IT antara kedua-dua negara.

Menyentuh tentang sektor-sektor lain, beliau berkata, kerajaan Filipina telah melahirkan minatnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memajukan industri makanan halal bagi memenuhi permintaan dari Malaysia.

Katanya, kerajaan Filipina sedar bahawa kerajaan Malaysia mengimport banyak keperluan makanan setiap tahun dan ini memberikan peluang yang besar kepada mereka untuk mengeksport.

Tentang syarikat-syarikat Malaysia yang telah melabur di Filipina, beliau berkata bahawa tiga syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan terbesar ialah Metroplex Bhd, Petronas dan Maybank Bhd.

Katanya, Petronas telah membina sistem pengedaran gas petroleum cecair (LPG)nya di selatan Filipina manakala Maybank telah menambah bilangan cawangannya di sana. -- BERNAMA

MFZ MKO KTC KY ZK